

# Pengiktirafan

## tokoh, pengarang

# » Beri semangat kepada penulis hasil buku, tingkat industri percetakan, penerbitan e-buku

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**S**umbangan pemain industri buku khususnya penulis, penerbit, pelukis ilustrasi dan editor karya pelbagai genre termasuk umum, agama, sastera dan terjemahan dihargai menerusi Anugerah Buku Negara 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sebanyak 68 anugerah diberikan kepada pemenang pada acara yang diadakan sempena Ekspo Buku Malaysia anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) yang pertama kali diperkenalkan pada tahun 2010.

Tokoh besar yang banyak menyumbang jasa kepada perkembangan kesusastraan menerima anugerah tertinggi, iaitu Sasterawan Negara (SN), Datuk Baharudin Zainal atau Baha Zain yang meraih Anugerah Perdana Za'ba Tokoh Penulis.

Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tun Abdullah Ayub turut dihargai apabila merangkul Anugerah Perdana Tun Sri Lanang Tokoh Buku Negara kerana banyak berjasa

kepada peradaban dan pembangunan ekonomi negara.

Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, berkata transformasi penerbitan buku harus dilakukan secara besar-besaran merangkumi pelbagai peringkat dalam negara.

## Membaca, menulis jadi budaya

"Sikap rajin membaca dan menulis perlu dijadikan budaya kerana hanya dengan cara ini, kita mampu mencapai sasaran menerbitkan 30,000 judul buku baharu setahun.

Berdasarkan statistik tahun 2010, hanya 15,000 judul buku sahaja mampu diterbitkan, sekali gus memerlukan pemain industri buku memperhebatkan usaha dengan memperbanyak penerbitan sama ada dalam bentuk cetakan dan e-buku," katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Buku Negara 2014.

Abdullah turut menyarankan sarjana terutama pensyarah di institusi pengajian tinggi awam



**“Sikap rajin membaca dan menulis perlu dijadikan budaya kerana hanya dengan cara ini, kita mampu mencapai sasaran menerbitkan 30,000 judul buku baharu setahun”**

**Abdullah Ahmad Badawi,  
Mantan Perdana Menteri**



Baharuddin Zainal

(IPTA) dan swasta (IPTS) diwajibkan menghasilkan buku berasaskan ilmu dan pengalaman intelektual, sekali gus dinilai sebagai penanda aras bagi kenaikan pangkat.

Terdahulu daripada itu, 33 kategori bagi Anugerah Buku Negara 2014 yang bertujuan menyentuh semangat untuk pemain buku menghasilkan naskhah bermutu disampaikan pada sesi pertama oleh Penasihat Sosio Budaya Kerajaan, Tan Sri Dr Rais Yatim.

## Pencapaian cemerlang

Penerima lain ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menerusi Penerbit UTM Press yang meraih pencapaian cemerlang apabila dua buku umumnya, iaitu *Pemikiran Islam: Aliran & Gagasan* tulisan Ramli Awang dan *Pemikiran Seni Bina Islam Moden di Dunia & Malaysia* (Nangkula Utaberta dan Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi) masing-masing mengungguli Kategori Islamik dan Seni Bina.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pula mengungguli kategori bahasa menerusi karya Dr Abdullah Yusoff bertajuk *Memahami Komunikasi Orang Pekak* dan buku kanak-kanak terbaik melalui karya Nawawee Mohammad berjudul *Puisi Kanak-kanak: Ayam Berkokok*. Buku biografi umum bertajuk *Datuk Dr Haassan Ahmad: Cendekiawan Melayu Terulung* terbitan Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih kemenangan dalam kategori biografi umum.

Tidak ketinggalan, penyair veteran yang juga bekas wartawan BH, Ismas Saring turut diberi pengiktirafan atas sumbangannya dalam dunia penulisan dalam kategori Anugerah Khas Penulis Veteran.



Abdullah Ayub